



## MEMORANDUM

Kepada : Semua Warga Kerja PHN & DHMSB  
Daripada : Ketua Divisyen Modal Insan & ESG  
Salinan Kepada : Ketua Pegawai Eksekutif  
Rujukan : PHN/HC&ESG/MEMO/2025 (27)  
Tarikh : 10 Julai 2025  
**PERKARA : MUAT TURUN APLIKASI RYMNET**

---

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera.

Sistem Maklumat Sumber Manusia (HRIS) Cloud Rymnet telah diperkenalkan pada 1 Mac 2025 sebagai kemudahan perkhidmatan sendiri (self-service) kepada warga kerja untuk mengemaskini maklumat data peribadi, permohonan cuti, menyemak gaji, membuat 'claim' dan sebagainya.

Salah satu nilai tambah sistem ini adalah kemudahan aplikasi Rymnet dalam pelbagai platform untuk dimuat turun seperti info di bawah dan penggunaan aplikasi ini adalah sebahagian dari saluran proses kerja rasmi Syarikat termasuklah untuk merekod kedatangan ke tempat kerja. Oleh itu, adalah penting bagi setiap pekerja mempunyai akses kepada aplikasi tersebut untuk memudahkan urusan berkaitan yang telah dan akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Maka, semua warga kerja adalah **DIWAJIBKAN** memuat turun aplikasi Rymnet pada peranti hp masing-masing **pada atau sebelum 14hb Julai 2025** untuk mengakses semua kemudahan perkhidmatan yang tersedia. Platform HRIS Boss.Net masih digunapakai sehingga maklumat lanjut diberikan oleh pihak kami.

Sila ikuti langkah-langkah berikut untuk memuat turun aplikasi Rymnet:

1. Cari "Rymnet" di Google Play Store (Android) :  
[https://play.google.com/store/apps/details?id=com.rnymnet.prod&pcampaignid=web\\_share](https://play.google.com/store/apps/details?id=com.rnymnet.prod&pcampaignid=web_share) atau App Store (iOS) : <https://apps.apple.com/my/app/rymnet-hrms/id6475796139> .
2. Muat turun aplikasi tersebut.
3. Log masuk menggunakan ID pengguna anda.
4. Pastikan aplikasi dapat berfungsi dengan baik dan semua menu dapat diakses.

Bagi individu yang telah memuat turun aplikasi Rymnet, sila lengkapkan maklumat anda di link <https://forms.cloud.microsoft/r/U2jWNZ7Gz7> bagi memudahkan semakan dan rekod kami. Sebarang masalah boleh berhubung dengan Sekyen Faedah dan Pampasan (samb. 119 & 173) untuk bantuan.

Mohon Ketua Jabatan/Ketua Seksyen menyampaikan maklumat ini kepada semua kakitangan di bawah seliaan anda dan memastikan semua pekerja telah memuat turun aplikasi Rymnet dan memanfaatkan penggunaannya sebaik mungkin.

Sekian, terima kasih.

  
**ALIAS MOHAMED LELA**